

05 April 2008 (Sabtu)

Sedia bekerjasama

Oleh ANGELINA SINYANG

IPOH 4 April – Jabatan Audit Negara sedia bekerjasama dengan badan audit bebas yang dilantik oleh kerajaan negeri Perak untuk mengaudit penyata kewangan semua pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri ini. Ketua Audit Negara, Tan Sri Ambrin Buang berkata, sebelum ini, kedudukan kewangan PBT di negeri ini diaudit oleh jabatannya mengikut mandat yang diberikan oleh Sultan Perak. "Ia (audit kewangan PBT) sudah bertahun-tahun dilakukan oleh Jabatan Audit Negara tetapi sekiranya kerajaan negeri baru ingin melantik badan audit bebas untuk mengaudit PBT, saya tiada halangan.

"Kami akan memberi kerjasama kepada badan audit bebas ini jika mereka memerlukan apa-apa maklumat berkaitan jabatan atau agensi di negeri ini, malah mereka boleh berbincang dengan Pengarah Jabatan Audit Perak, Datin Seri Shamsiah Daud pada bila-bila masa kalau diperlukan," katanya. Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas majlis pecah tanah projek bangunan Jabatan Audit Negara cawangan Perak di Bandar Meru Raya di sini semalam.

Beliau mengulas keputusan kerajaan negeri yang dianggotai oleh DAP, Pas dan Parti Keadilan Rakyat (PKR) di Perak melantik badan audit bebas untuk mengaudit penyata kewangan semua PBT di negeri ini bagi memastikan ketelusan pentadbiran badan berkanun itu.

Ambrin turut menasihatkan semua pihak supaya tidak membuat tuduhan melulu sekiranya terdapat laporan kelemahan dalam penyata kewangan PBT selepas ia diaudit kerana kadang-kadang ia bukan berpunca akibat rasuah.

Kelemahan

"Kita jangan mudah tersalah sangka bahawa jika ada kelemahan maka ia mesti berpunca akibat rasuah. Sangkaan seperti ini adalah tidak adil sebelum kita membaca keseluruhan hasil laporan untuk memahami keadaan sebenar yang berlaku.

"Ini kerana soal pengurusan berbeza dengan isu pengesahan penyata kewangan PBT. Tugas kita (Jabatan Audit Negara) ialah memastikan PBT memberi kenyataan tentang kedudukan kewangan iaitu bagaimana mereka mengekalkan penyata berdasarkan garis panduan perakuan tetapi soal sama

ada PBT terlebih atau salah belanja ia tanggungjawab pihak pengurusan," jelasnya.

Beliau menambah, sebarang kelemahan penyata kewangan PBT akan dibentangkan di Dewan Undangan Negeri untuk dibahaskan dan pihak pengurusan perlu memberi penjelasan mengenainya.

Katanya, laporan dikeluarkan oleh Jabatan Audit Negara sentiasa objektif dan seimbang kerana jabatan itu merupakan badan bebas yang tidak dipengaruhi oleh mana-mana pihak, malah cukup profesional melaksanakan tanggungjawab sejak 100 tahun ditubuhkan iaitu semasa pemerintahan British lagi.

Dalam pada itu, Ambrin memberitahu, kerajaan melalui Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) meluluskan peruntukan RM12 juta untuk membina bangunan khas sebagai cawangan Jabatan Audit Negara di Perak di atas tapak seluas 1.37 hektar di Bandar Meru Raya.

Katanya, bangunan ini akan dilengkapkan dengan ruang seperti pejabat pengurusan, pejabat teknologi maklumat, pusat sumber, bilik persidangan, kafetaria, gelanggang serba guna dan gimnasium.



25 April 2008 (Jumaat)

Sertai badan berkanun dan anak syarikat kerajaan

SEREMBAN 24 April - Jabatan Audit Negara mencadangkan kerajaan menimbaangkan pelantikan pegawainya menjadi Ahli Jawatankuasa Audit Badan Berkanun dan anak syarikat kerajaan peringkat Persekutuan dan negeri.

Ketuanya, Tan Sri Ambrin Buang berkata, pelantikan pegawai dari jabatan berkenaan termasuk yang bertugas di Unit Audit Dalam Kementerian dan Badan Berkanun amat penting supaya pengurusan kewangan dapat dipertingkatkan.

"Dalam kerangka tadbir urus, kajian telah membuktikan bahawa kepakaran juruaudit telah berjaya meningkatkan keberkesanan pentadbiran melalui keanggotaan dan jawatankuasa audit.

"Langkah ini saya percaya dapat memantapkan perjalanan Jawatankuasa Audit bagi membantu lembaga pengarah badan berkanun dan anak syarikat kerajaan dalam memastikan pentadbiran dan prestasi mereka sentiasa berada di landasan yang kukuh dan mempunyai akauntabiliti," kata beliau.

Ambrin berkata demikian sewaktu berucap pada Simposium Audit Dalam 2008 di Akademi Audit Negara di sini hari ini.

Seramai 400 juruaudit dalaman dari seluruh negara menyertai simposium yang berlangsung selama dua hari itu yang bertemakan 'Ke Arah Memantapkan Prestasi Pengurusan Wang Awam'.



25 April 2008 (Jumaat)

Majoriti PBT gagal lapor audit tahunan

SEREMBAN 24 April - Hanya 46 peratus Unit Audit Dalam (UAD) Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara menyediakan laporan audit tahunan mereka. Timbalan Ketua Audit Negara (negeri), Anwari Suri berkata, jumlah itu direkodkan berdasarkan laporan tahunan terkini jabatan berkenaan.

Sehubungan itu, katanya, prestasi penyediaan laporan audit tahunan PBT di seluruh negara berada di tahap tidak memuaskan. "Mengikut prosedur, UAD di setiap PBT mesti menyediakan Laporan Audit Dalam masing-masing. "Namun, berdasarkan kepada laporan tahunan terkini jabatan ini, majoriti daripada PBT gagal melakukannya," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas membentangkan kertas kerja bertajuk 'Keberkesanan Unit Audit Dalam Pihak Berkuasa Tempatan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak' dalam Simposium Audit Dalam 2008 di Akademi Audit Negara di sini hari ini.

Tambah Anwari, antara alasan yang selalu diberikan ialah kekurangan kakitangan, tiada peruntukan kewangan, tiada isu dibangkitkan dan terikat dengan tugas hakiki. Jelasnya, kebanyakkan PBT tidak mempunyai pegawai atau kakitangan yang ditugaskan khusus untuk UAD. "Pada masa ini, Jabatan Audit Negara meminjamkan pegawai untuk ditempatkan dalam UAD beberapa PBT, namun jumlah mereka tidak cukup untuk membantu semua PBT di negara ini," kata Anwari. Dalam pembentangan kertas kerja itu, beliau turut menyebut 42 peratus PBT tidak menyediakan laporan audit tahunan, empat peratus menggabungkan laporan tersebut dengan laporan jabatan, manakala lapan peratus tidak memberi sebarang maklumat. Anwari juga merumuskan penubuhan UAD di PBT masih belum mencapai matlamat penubuhannya iaitu untuk membantu pengurusan meningkat tahap pematuhan undang-undang, peraturan dan prosedur yang digariskan oleh kerajaan.

Selain itu, beliau menambah, struktur organisasi UAD perlu disusun semula dengan menaiktaraf jawatan ketua unit berkenaan dan menambah bilangan kakitangan. "Datuk Bandar atau Yang Dipertua juga hendaklah bertanggungjawab memimpin UAD supaya tahap integriti dan akauntabiliti pengurusan kewangan di PBT dapat ditingkatkan," ujarnya.



25 April 2008 (Jumaat)

Tutup anak syarikat yang gagal

Oleh AINOL AMRIZ ISMAIL dan HUSSAINI AMRAN

SEREMBAN 24 April - Anak syarikat badan berkanun yang berhadapan dengan masalah kewangan dan tidak mampu dipulihkan perlu ditutup agar tidak terus membebankan kerajaan. Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Sidek Hassan berkata, anak syarikat yang berada dalam prestasi tersebut sepatutnya mempunyai satu tarikh penilaian dan tidak dibiarkan sehingga menyebabkan terus merudum.

"Ini bukan soal ditutup sahaja, tetapi perspektifnya hendaklah dilihat, di mana jika sesuatu itu tidak mencapai matlamat, adalah lebih baik ia ditutup. Itupun selepas tindakan baik pulihnya tidak dapat dilaksanakan," katanya. Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Simposium Audit Dalam 2008 di Akademi Audit Negara di sini hari ini.

Kata Mohd. Sidek, konsep yang sama juga kini sedang dilaksanakan oleh kerajaan di mana projek dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) yang dilihat tidak dapat diteruskan dengan baik dan manfaatnya tidak sebaik yang diharapkan ketika dirancang dahulu, telah dihentikan. "Kita akan melaksanakan projek yang dilihat memberi manfaat kepada rakyat. Jadi, kalau projek yang kita cadangkan itu tidak membawa manfaat kepada semua dan didapati tidak baik lagi, ia haruslah dipertimbangkan semula," jelas beliau.

Terdahulu dalam ucapan beliau, Mohd. Sidek berkata, terdapat sesetengah anak syarikat yang telah lama wujud, bukan sahaja tidak menunjukkan keuntungan malah terus bergantung kepada bantuan kewangan daripada badan induk. "Saya berpandangan bahawa Unit Audit Dalaman perlu memantau pengurusan anak-anak syarikat ini sama ada boleh mencapai Petunjuk Prestasi Utama yang ditetapkan mahupun berdaya maju.

"Penilaian dan input seumpama ini akan dapat membantu Lembaga Pengarah di Badan Induk mengambil langkah yang sewajarnya untuk memperbaiki prestasi anak syarikat atau menutup yang bermasalah," kata beliau. Seramai 400 juruaudit dalaman daripada seluruh negara menyertai simposium yang berlangsung selama dua hari bertemakan 'Ke Arah Memantapkan Prestasi Pengurusan Wang Awam'.

Pada majlis itu, Mohd. Sidek turut melancarkan logo baru Jabatan Audit Negara, buku *Kecemerlangan Pengurusan Kewangan - Dari Perspektif Jabatan Audit Negara* serta buku *Tiger-Zainal: Reminiscence of An Auditor*.

26 April 2008 (Sabtu)

'Tiger' Zainal abadi pengalaman dalam buku

SEREMBAN 25 April - Demi mengabadikan pengalaman selama 35 tahun sebagai juruaudit, Zainal Abidin Pitchay atau lebih popular dengan gelaran 'Tiger Zainal', 72, tampil dengan sebuah buku bertajuk *Tiger Zainal-Reminiscence of An Auditor*.

Menurut beliau, penghasilan buku itu bertujuan untuk berkongsi pengalaman sebagai 'orang lama' dalam pengauditan sektor awam dengan generasi juruaudit kini dan akan datang.


Katanya, beliau mula berkecimpung dalam bidang itu pada tahun 1956 sebagai juruaudit di Pejabat Audit Cawangan Melaka dan jawatan terakhirnya ialah sebagai Penolong Pengarah Audit di Ibu Pejabat Jabatan Audit Negara.

"Sewaktu bertugas dahulu, saya sentiasa bersikap garang dan tegas seperti harimau sekiranya terdapat kesilapan dalam pengurusan kewangan di jabatan kerajaan yang diaudit.

"Sebab itulah pegawai dan kakitangan di jabatan yang pernah saya audit dulu menggelar saya 'Tiger Zainal' dan gelaran itu melekat sehingga hari ini," kata beliau ketika ditemui selepas Majlis Perasmian Simposium Audit Dalam 2008 di Akademi Audit Negara di sini semalam.

Pada majlis tersebut, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Mohd. Sidek Hassan turut menyempurnakan pelancaran buku tersebut.

Tambah Zainal Abidin, juruaudit hari ini sangat bertuah dan perlu bersyukur kerana mempunyai pelbagai kemudahan yang disediakan kerajaan seperti



ZAINAL Abidin Pitchay menunjukkan buku catatan pengalamannya bertajuk Tiger Zainal- Reminiscence Of An Auditor di Nilai, kelmarin.

Akademi Audit Negara di samping bahan-bahan bacaan untuk rujukan dan panduan.

Ujarnya, pada masa lalu, beliau dan rakan-rakan sejawatnya bekerja dengan keadaan serba kekurangan dalam sebuah pejabat serta menggunakan peralatan lama.

"Namun, kami tidak menjadikan itu sebagai alasan untuk tidak menjalankan tugas dengan bersungguh-sungguh dan kami benar-benar ikhlas berkhidmat untuk negara."

"Saya berharap juruaudit hari ini dan akan datang dapat memanfaatkan semua kemudahan infrastruktur yang disediakan untuk meningkatkan prestasi ketika menjalankan tugas," kata beliau.

Bila ditanya tentang pengalaman manis sewaktu bertugas, Zainal Abidin memberitahu, beliau beroleh kepuasan apabila melihat jabatan kerajaan yang diaudit yang sebelumnya bermasalah berjaya dipulihkan.

Jelas beliau, ketidakpatuhan berhubung tadbir urus kewangan dalam sesebuah jabatan lazimnya berpunca daripada kurangnya pemantauan dan penyeliaan daripada ketua jabatan.

Sehubungan itu, beliau menasihatkan ketua jabatan agar menyemak dan meneliti semua dokumen serta urusan kewangan supaya setiap prosedur yang digariskan dipatuhi sepenuhnya oleh pegawai dan kakitangan bawahan.

"Setiap penjawat awam perlu sedar mereka mempunyai tanggungjawab besar dalam memastikan tidak berlaku pembaziran dan penyelewengan ketika mengurus wang dan aset kerajaan," ujar beliau.